
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KURIKULUM FLEKSIBEL: PROGRAM INTEGRASI SARJANA MUDA-SARJANA (PRISMS) UTM

**UNIT INOVASI & PEMBANGUNAN KURIKULUM (CIDU)
JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**



KANDUNGAN

Latarbelakang.....	3
Rasional.....	4
Mod PRISMS.....	5
Konsep Asas Pelaksanaan :	
1.0Mod Integrasi Kursus.....	6
2.0Mod Integrasi Kursus & Projek.....	8
3.0Mod Integrasi Projek.....	9
Peranan Pusat Tanggungjawab.....	10
Lampiran A-E.....	11-20

Untuk edaran sahaja
dalam UTM

LATAR BELAKANG

- a. Pembelajaran fleksibel telah menjadi satu inisiatif kerajaan dalam mendepani cabaran untuk lanskap pembangunan negara. Ia merupakan usaha ke arah pendemokrasian pendidikan dalam membentuk rakyat Malaysia yang berpengetahuan menerusi penguasaan ilmu.
- b. Selain dari penekanan kepada kepelbagaian kaedah pembelajaran dan pengajaran, terdapat juga keperluan penawaran pendidikan dengan pelbagai kaedah termasuk secara eksekutif, pembelajaran jarak jauh, e-pembelajaran, pembelajaran berasaskan kerja, pembelajaran separuh masa atau mengikuti program pembangunan professional dan penjimatan dalam tempoh pengajian.
- c. Program '*accelerated-master*' merupakan satu konsep yang digunapakai bagi menyokong pembelajaran fleksibel yang melibatkan penjimatan dalam tempoh pengajian sehingga setahun.
- d. Dalam usaha ke arah pembelajaran fleksibel, UTM telah memohon dan seterusnya mendapat kebenaran khas daripada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk menjalankan Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana (PRISMS) sebagai menyokong inovasi dan fleksibiliti dalam kurikulum, selaras dengan kerangka Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (rujuk Lampiran A).


RASIONAL

PRISMS diperkenalkan atas rasional berikut:

- a. Inovasi pendidikan ke arah kurikulum fleksibel. Menyokong halatuju pendidikan tinggi negara ke arah pembangunan kurikulum tersedia masa hadapan dari aspek struktur "*flexible and non-conventional*" selain meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah antarabangsa dengan kadar yuran yang lebih tinggi.
- b. Menarik minat serta memberi motivasi kepada pelajar Sarjana Muda cemerlang untuk menyambung pengajian di peringkat pasca siswazah.
- c. Meningkatkan bilangan enrolmen pelajar Sarjana (tempatan dan antarabangsa)
- d. Meningkatkan peratus kebolehpasaran graduan program Sarjana Muda
- e. Meningkatkan pencapaian "*critical mass*" graduan pasca siswazah negara.
- f. Memformalkan konsep '*accelerated-master*' supaya dapat dipromosi secara meluas kepada pelajar tempatan dan antarabangsa.

MOD PRISMS

Pelaksanaan PRISMS terbahagi kepada 3 mod seperti berikut:



KONSEP ASAS PELAKSANAAN

Melalui PRISMS, pelajar Sarjana Muda boleh mengikuti program Sarjana dalam tempoh **2** semester (jimat tempoh pengajian). Secara umumnya pelajar boleh bergraduat dengan **2** ijazah dalam masa **5** tahun.

1.0 Mod Integrasi Kursus

Mod ini terpakai bagi semua program Sarjana Muda UTM dengan program Sarjana secara kerja-kursus atau mod-campuran. Kaedah pelaksanaannya adalah seperti berikut:

- 1.1. Program Sarjana Muda perlu menawarkan kursus-kursus elektif aras tinggi yang setara dengan **kursus teras atau elektif (mengikut kesesuaian)** yang ditawarkan dalam program Sarjana (dijustifikasikan dengan **hasil pembelajaran dan pentaksiran yang sama**).
- 1.2. Pangkal kod bagi kursus-kursus elektif dalam program Sarjana Muda berkenaan perlu bermula dengan **5** bagi membezakannya dengan kursus-kursus yang lain.
- 1.3. Pangkal 5 dalam kod kursus akan menunjukkan dengan jelas kesetaraannya dengan kod dalam program Sarjana secara kerja-kursus/mod-campuran yang tertentu. Ini akan memberi gambaran yang jelas kepada pihak pemegang taruh tentang konsep program integrasi yang dicadangkan.
- 1.4. Kursus-kursus elektif dengan pangkal kod 5 ini mestilah kursus-kursus yang ditawarkan pada **tahun akhir** pengajian program Sarjana Muda sahaja.
- 1.5. Pelajar yang mengikuti program Sarjana Muda boleh mengambil kursus elektif daripada senarai kursus-kursus elektif yang berpangkal kod 4 atau 5 mengikut pilihan dan kesediaan masing-masing.
- 1.6. Calon yang layak memohon untuk mengikuti PRISMS bagi mod integrasi kursus adalah pelajar **Tahun 3, Semester 2 Sarjana Muda UTM** dengan **PNGK 3.3 ke atas**.
- 1.7. Calon perlu membuat permohonan (pada Tahun 3, Semester 2) dengan mengisi borang Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana (PRISMS) seperti Lampiran B. Permohonan perlu diluluskan oleh Pengarah Program berkaitan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Akademik Fakulti/Sekolah.

- 1.8. Jika diluluskan, calon boleh mengambil kursus-kursus elektif dengan pangkal kod 5 yang ditawarkan dengan mendapat sekurang-kurangnya **gred B**.
- 1.9. Calon akan mendapat Ijazah Sarjana Muda bagi program yang diikuti setelah cukup bilangan kredit bergraduasi (termasuk kursus elektif dengan pangkal kod 5 yang diikuti).
- 1.10. Calon perlu memenuhi syarat kemasukan bagi program Sarjana secara kerja-kursus/mod-campuran yang akan diikuti. Permohonan akan dibuat menerusi sistem kemasukan universiti. Borang pengesahan telah mengikut PRISMS dengan pengecalan PNGK 3.3 ke atas serta mendapat sekurang-kurangnya B bagi kursus-kursus elektif Sarjana Muda berkaitan perlu dilampirkan bersama (rujuk Lampiran C).
- 1.11. Kelulusan kemasukan ke program Sarjana secara kerja-kursus/mod-campuran berkaitan akan mengambilkira kursus-kursus elektif dengan pangkal kod 5 dalam program Sarjana Muda yang **setara** dengan kursus-kursus program Sarjana berkenaan secara **pindah kredit vertikal** (dibenarkan oleh MQA untuk PRISMS, rujuk Lampiran A)
- 1.12. Maksimum bilangan kredit yang diterima untuk pindah kredit vertikal adalah **tidak melebihi 12** (30% daripada jumlah kredit bergraduasi).
- 1.13. **Tiada** tempoh sah laku bagi kelulusan mengikut PRISMS.
- 1.14. Bagi pelajar yang **tidak diluluskan** atau **tidak memohon** untuk mengikut PRISMS tetapi telah memilih untuk mengambil kursus elektif dengan pangkal kod 5 dan lulus dengan sekurang-kurangnya gred B, sekiranya pelajar memohon dan layak mengikut program Sarjana secara kerja-kursus/mod-campuran yang berkaitan, kursus elektif berkenaan juga boleh diambilkira untuk pindah kredit vertikal. Pelajar bagaimanapun perlu berstatus PNGK 3.3 **semasa** mendaftar kursus-kursus elektif berkenaan (perlu pengesahan oleh pihak Fakulti/Sekolah).
- 1.15. PRISMS (mod integrasi kursus) adalah terpakai untuk kedua-dua program Sarjana secara kerja-kursus dan mod-campuran.
- 1.16. Fakulti/Sekolah yang berminat untuk menawarkan PRISMS (mod integrasi kursus) perlu membentangkan kertas cadangan menambah kursus-kursus elektif dalam program Sarjana Muda dengan pangkal kod 5 bersama kursus-kursus Sarjana yang setara (lengkap dengan maklumat kursus) bagi mendapatkan kelulusan universiti.

- 1.17. Sekiranya kurikulum program Sarjana Muda sedia ada tidak memberi ruang kepada pelajar untuk mengambil kursus elektif sehingga 12 kredit seperti yang dibenarkan dalam pelaksanaan PRISMS, Fakulti/Sekolah perlu mempertimbangkan untuk menyemak semula kurikulum program Sarjana Muda sedia ada berkenaan.

2.0 Mod Integrasi Kursus & Projek

- 2.1. Konsep bagi mod ini sama dengan PRISMS (mod integrasi kursus) dengan tambahan perlanjutan (*extension*) projek penyelidikan dalam program Sarjana Muda (tambahan dari aspek skop dan kedalaman ilmu).
- 2.2. Mod ini akan membantu memendekkan lengkung pembelajaran pelajar semasa menjalankan projek penyelidikan dalam program Sarjana secara kerja-kursus/mod campuran.
- 2.3. Borang permohonan PRISMS seperti Lampiran B akan memberi pilihan kepada pelajar untuk memilih samada mod integrasi kursus, mod integrasi kursus & projek atau mod integrasi projek.
- 2.4. Pengarah Program atau pensyarah bertanggungjawab yang dilantik akan memberi bimbingan dan nasihat kepada pelajar tentang penetapan projek dari aspek tajuk dan penyeliaan.
- 2.5. Pelajar perlu mengisi Borang Kelulusan Projek (rujuk Lampiran D) yang menjelaskan skop dan kedalaman ilmu bagi projek penyelidikan dalam program Sarjana Muda berbanding projek penyelidikan dalam program Sarjana secara kerja-kursus/mod campuran selepas berbincang dengan Penyelia projek yang dilantik oleh Fakulti/Sekolah.
- 2.6. Kelulusan projek akan diberikan selepas pelajar membentangkan *proposal* bagi projek yang akan dijalankan yang meliputi skop dan kedalaman ilmu bagi kedua-dua projek untuk program Sarjana Muda dan projek untuk program Sarjana.
- 2.7. Pembentangan boleh dijalankan dalam sesi pembentangan *proposal* untuk projek Sarjana Muda dan dinilai oleh panel bidang berkaitan menggunakan borang dalam Lampiran E. Penyelia projek **perlu** hadir bersama di sesi pembentangan tersebut.

- 2.8. Jumlah markah penilaian serta maklumbalas dari penilai akan menjadi asas dalam memberi kelulusan kepada pelajar untuk mengikuti PRISMS secara mod integrasi kursus dan projek.
- 2.9. Kelulusan untuk mengikuti PRISMS secara mod integrasi kursus & projek adalah tertakluk kepada kelulusan mengikuti program dengan mod integrasi kursus dan kelulusan projek yang dicadangkan.

3.0 Mod Integrasi Projek

- 3.1 Konsep mod ini **sama** dengan aspek projek dalam PRISMS (mod integrasi kursus dan projek) seperti bahagian 2.0.
- 3.2 Mod ini akan membantu memendekkan lengkung pembelajaran pelajar semasa menjalankan projek penyelidikan dalam program Sarjana secara penyelidikan atau Doktor Falsafah (bagi yang layak) dan seterusnya menyumbang kepada pertambahan bilangan pelajar GOT
- 3.3 Kelulusan untuk mengikuti PRISMS dengan mod integrasi projek adalah tertakluk kepada kelulusan projek yang dicadangkan.


PERANAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

Fakulti	<ul style="list-style-type: none">• Mengenalpasti program Sarjana Muda-Sarjana yang berpotensi untuk melaksanakan PRISMS (semua mod)• Menyediakan kertas kerja dan dokumen yang berkaitan untuk kelulusan universiti (kecuali untuk mod integrasi projek)• Mempromosikan PRISMS termasuk membuat hebahan kepada pelajar prasiswazah.• Menawar dan menjalankan program berkenaan.
SPS, UGS & CIDU	<ul style="list-style-type: none">• Memantau pelaksanaan Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana UTM dari masa ke semasa dan mencadangkan penambahbaikan mengikut keperluan.
UGS	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan borang-borang berkaitan serta garis panduan pelaksanaan PRISMS.• Mempromosikan PRISMS termasuk membuat hebahan kepada pelajar prasiswazah.
SRAD	<ul style="list-style-type: none">• Mempromosikan PRISMS (tempatan dan antarabangsa).• Memproses dan membuat penawaran kepada pemohon.
UNIVERSITI	<ul style="list-style-type: none">• Memastikan kualiti Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana UTM yang dilaksanakan di Fakulti adalah terjamin sebelum diberi kelulusan.

MAKLUM BALAS MQA TERHADAP KERTAS KERJA KONSEP PELAKSANAAN KURIKULUM FLEKSIBEL: PROGRAM INTEGRASI SARJANA MUDA-SARJANA (PRISMS) UTM

1. MQA telah meneliti kertas kerja yang disediakan oleh pihak UTM berkenaan dengan Konsep Pelaksanaan Kurikulum Fleksibel: Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana (PRISMS). MQA juga mengambil maklum akan rasional yang disenaraikan. Selain itu, kertas kerja ini dengan jelas telah mengkategorikan Mod PRISMS kepada 3 iaitu (i)Intergrasi Kursus, (ii)Intergrasi Kursus dan Projek serta (iii)Integrasi Projek. Terdapat elemen kursus elektif peringkat Sarjana Muda dijadikan teras untuk peringkat Sarjana serta projek Sarjana Muda yang dilanjutkan sehingga Projek atau Penyelidikan peringkat Sarjana.
2. Berdasarkan penelitian terhadap konsep asas yang dinyatakan, MQA menyokong pelaksanaan kurikulum secara fleksibel ini dengan asas-asas berikut:
 - 2.1 *Body of Knowledge* mencukupi dan memenuhi keperluan bidang program berkenaan;
 - 2.2 Kursus-kursus tersebut kekal sebagai elektif (Tahun Akhir) di peringkat Sarjana Muda;
 - 2.3 Pelajar yang melanjutkan peringkat Sarjana hendaklah mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda (memenuhi keperluan kredit bergraduat) terlebih dahulu;
 - 2.4 Pemindahan kredit yang dibenarkan adalah sebanyak 30% daripada jumlah kredit bergraduat; dan
 - 2.5 Kemasukan bersyarat hendaklah diwajibkan kepada pelajar seperti yang dicadangkan iaitu mendapat PNGK 3.3 (semasa Tahun 3 Sarjana Muda) dan mendapat gred B dalam kursus-kursus elektif yang setarakan dengan peringkat Sarjana.
3. MQA menyarankan agar program intergrasi ini dilaksanakan ke atas program Sarjana Muda 4 tahun sahaja kerana perbandingan yang dibuat bagi pelaksanaan sebegini oleh universiti luar negara, lazimnya untuk program Sarjana Muda 4 tahun.

BORANG PERMOHONAN PRISMS

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	Pejabat Pengajian Prasiswazah (UGS) PRISMS01 ver01-2019
---	---

Borang Permohonan Mengikuti Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana (PRISMS)

- i. Syarat kelayakan memohon: berstatus pelajar Tahun 3, Semester 2 dengan PNGK semasa sekurang-kurangnya 3.3
 ii. Pemohon perlu melampirkan salinan transkrip Tahun 3, Semester 2.

Pilihan Mod PRISMS

Fakulti/Sekolah _____

Pilih satu daripada berikut:

Mod PRISMS

Mod Integrasi Kursus

Mod Integrasi Kursus dan Penyelidikan

Mod Integrasi Penyelidikan

Maklumat Pemohon

Nama: _____

No. KP: _____ No. Matriks: _____

Alamat: _____

<i>Bandar</i> _____	<i>Negeri</i> _____	<i>Poskod</i> _____
---------------------	---------------------	---------------------

No. tel: _____ E-mel: _____

 Program Sarjana Muda
 yang sedang diikuti:

Sila isi dengan lengkap

 PNGK semasa: _____
 (Keputusan Tahun 3 Sem 2)

Mod Integrasi Kursus

Program Sarjana yang akan diikuti:

Sila isi dengan lengkap. Rujuk pemetaan program Sarjana Muda kepada Program Sarjana yang disediakan oleh Fakulti/Sekolah masing-masing

Mod Integrasi Kursus dan Penyelidikan

Kelulusan mengikuti mod ini tertakluk kepada kelulusan projek melalui borang PRISMS03

Bahagian Integrasi Kursus

Program Sarjana yang akan diikuti:

Sila isi dengan lengkap. Rujuk pemetaan program Sarjana Muda kepada Program Sarjana yang disediakan oleh Fakulti/Sekolah masing-masing

Bahagian Integrasi Projek

Pemohon perlu mengisi borang PRISMS03

Mod Integrasi Penyelidikan

Kelulusan mengikuti mod ini tertakluk kepada kelulusan projek melalui borang PRISMS03

Pemohon perlu mengisi borang PRISMS03

Program Sarjana (mod penyelidikan) atau Doktor Falsafah (jika berkenaan) yang akan diikuti:

Sila isi dengan lengkap. Rujuk pemetaan program Sarjana Muda kepada Program Sarjana (mod penyelidikan) atau Doktor Falsafah (jika berkenaan) yang disediakan oleh Fakulti/Sekolah masing-masing

Perakuan Pemohon

Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Kelulusan Permohonan

(Diisi oleh Pengarah Program Sarjana Muda yang sedang diikuti)

Permohonan diluluskan untuk PRISMS seperti berikut:
(Pilih yang berkenaan)

Mod Integrasi Kursus

--

Mod Integrasi Kursus dan Penyelidikan

Projek penyelidikan telah diluluskan melalui borang PRISMS03

--

Mod Integrasi Penyelidikan

Projek penyelidikan telah diluluskan melalui borang PRISMS03

--

Tandatangan
dan cop:

Tarikh:

Pengarah Program

Perakuan Fakulti

dengan ini memperakukan kelulusan permohonan bagi mengikuti PRISMS seperti di atas.


Fakulti/Sekolah
Tandatangan
dan cop:

Tarikh:

Dekan Fakulti/Pengerusi Sekolah

Untuk edaran sahaja
dalam UTM

BORANG PENGESAHAN PENCAPAIAN PRISMS

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	Pejabat Pengajian Prasiswazah (UGS) PRISMS02 ver01-2019
---	---

Borang Pengesahan Pencapaian Pelajar dalam Kursus Elektif Sarjana Muda bagi Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana (PRISMS)
Pilihan Mod PRISMS

Fakulti/Sekolah _____

Pilih satu daripada berikut:

Mod PRISMS Mod Integrasi Kursus

Mod Integrasi Kursus dan Penyelidikan

Maklumat Pelajar

Nama: _____

No. KP: _____ No. Matriks: _____

Alamat: _____

<i>Bandar</i>	<i>Negeri</i>	<i>Poskod</i>
No. tel: _____	E-mel: _____	

 Program Sarjana Muda
 yang sedang diikuti:
Sila isi dengan lengkap
 PNGK semasa: _____
 (Keputusan Tahun 4 Sem 2)

Pengesahan Pencapaian Pelajar
(Diisi oleh Pengarah Program Sarjana Muda yang sedang/telah diikuti)

Pelajar seperti nama di atas disahkan telah mengikuti program PRISMS dengan keputusan berikut bagi kursus-kursus elektif (pangkal kod 5) yang telah diambil:

Bil.	Nama Kursus	Kod Kursus (Program Sarjana Muda)	Kod Kursus (Program Sarjana berkaitan)	Gred

*Nota: Pindah kredit vertikal kursus elektif (pangkal kod 5) program Sarjana Muda ke program Sarjana berkaitan hanya dibenarkan dengan sekurang-kurangnya pencapaian **gred B***

Tandatangan
dan cop:

Pengarah Program

Tarikh: _____

Perakuan Fakulti

dengan ini memperakukan pencapaian pelajar seperti nama di atas bagi kursus-kursus elektif (pangkal kod 5) yang telah diambil.

Fakulti/Sekolah
Tandatangan
dan cop:

Dekan Fakulti/Pengerusi Sekolah

Tarikh: _____

BORANG KELULUSAN PROJEK PRISMS

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	Pejabat Pengajian Prasiswazah (UGS) PRISMS03 ver01-2019
---	--

Borang Kelulusan Projek bagi Program Integrasi Sarjana Muda-Sarjana (PRISMS)
Pilihan Mod PRISMS

Fakulti/Sekolah _____

Pilih satu daripada berikut:

 Mod PRISMS Mod Integrasi Kursus dan Penyelidikan

 Mod Integrasi Penyelidikan

Maklumat Pelajar

Nama: _____

No. KP: _____

No. Matriks: _____

Alamat: _____

Bandar _____

Negeri _____

Poskod _____

No. tel: _____

E-mel: _____

 Program Sarjana Muda
 yang sedang/telah diikuti:

Sila isi dengan lengkap

PNGK semasa: _____

(Keputusan Tahun 4 Sem 2)
Pengesahan Kelulusan Projek
(Diisi oleh Pengarah Program Sarjana Muda yang sedang/telah diikuti. Kelulusan diberikan sekiranya pelajar mencapai markah sekurang-kurangnya 70% dalam penilaian proposal projek)

Cadangan projek penyelidikan yang dikemukakan oleh pelajar seperti nama di atas disahkan lulus berdasarkan penilaian yang dijalankan pada _____ untuk tujuan PRISMS bagi:

Pilih satu daripada berikut:

Program Sarjana mod kerja-kursus

Program Sarjana mod campuran

Program Sarjana mod penyelidikan

Program Doktor Falsafah

Nota: Keputusan penilaian cadangan projek penyelidikan hendaklah diserahkan kepada Penyelia pelajar.

Tandatangan

dan cop:

Tarikh:

Pengarah Program

Perakuan Fakulti

dengan ini memperakukan kelulusan projek penyelidikan bagi program akademik yang dinyatakan di atas untuk tujuan PRISMS.

Fakulti/Sekolah

Tandatangan

dan cop:

Tarikh:

Dekan Fakulti/Pengerusi Sekolah

BORANG PENILAIAN CADANGAN PROJEK PRISMS

 <b style="font-size: 2em; font-weight: bold;">UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	Office of Undergraduate Studie (UGS) <i>PRP ver01-2019</i>
---	--

PRISMS PROJECT PROPOSAL EVALUATION FORM

STUDENT PARTICULARS

Name: _____	Program (UG): _____
IC/Passport No: _____	Matric No.: _____
Email: _____	Handphone No: _____
Project Title: _____	_____
_____	_____
Supervisor: _____	_____

- Note:
1. Students shall present the project proposal by emphasizing on how the work involved is distributed between the Undergraduate Final Year Project (FYP) and the Master/PhD Project.
 2. The student supervisor must also be present at the presentation session.
 3. Students are given 15 minutes to present the project proposal with 5 minutes Q&A.
 4. At least 2 evaluators shall be appointed to evaluate the project proposal. The scope of evaluation should focus on point 1 given above.

EVALUATION CRITERIA

Note: Tick the appropriate scale for marks

Problem statement	Scale	Marks
• Clear and relevant and can be addressed at both degree and master/PhD level.	④ ⑤	
• Clear and relevant but not significant enough to be extended to master/PhD level.	② ③	
• Unclear and irrelevant.	① ②	
Objective		
• Clearly stated at both degree and master/PhD level.	④ ⑤	
• Clearly stated at degree level but not at master/PhD level.	② ③	
• Not clearly stated at both degree and master/PhD level.	① ②	
Scope		
• Clearly specified and reasonable enough at both degree and master/PhD level.	④ ⑤	
• Clearly specified at degree level but not reasonable enough (too big) at master/PhD level.	② ③	
• No significant difference between degree and master/PhD level.	① ②	
Research Methodology		
• Systematic and realistic enough to be covered at both degree and master/PhD level in achieving the project objectives.	④ ⑤	
• Systematic but not convincing enough to be extended to master/PhD level.	② ③	
• Not systematic enough in achieving the project objectives at both degree and master/PhD level.	① ②	
Gantt Chart		

<ul style="list-style-type: none"> • Clear and realistic related to both degree and master/PhD projects. • Clear but not realistic enough to represent both degree and PhD projects. • Not clear and not realistic at all. 	④ ⑤	
	② ③	
	① ①	
Evaluators' comments/suggestions (use the other side of this page if required)	TOTAL MARKS <u>25</u>	
Name and signature of evaluator	Date:	

Untuk edaran
dalam UTM sahaja